ڤليتا بروني
Pelita BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

ڤتيقن تيته
### PETIKAN TITAH

"KITA memang menyanjung struktur perkembangan kerjaya yang berdasarkan meritokrasi dan etika ketenteraan. Kita mahu supaya anggota tentera akan benar-benar menunjukkan prestasi perkhidmatan yang sentiasa cemerlang."
- Titah Sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Kelima Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

مانيسڽ ايمان
### MANISNYA IMAN

"TUHAN yang menciptakan daku dari tiada kepada ada, maka Dialah yang memimpin dan memberi petunjuk kepadaku dan Tuhan yang Dialah jua memberiku makan dan memberi minum. Dan apabila aku sakit maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku. Dan Dialah yang matikan daku, kemudian Ia menghidupkan daku."
- (Allah Subhananhu Wata'ala berfirman dalam Surah Asy Syu'araa' ayat 78-81).

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.37 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 50 | 26 APRIL 2017 / 1438 رجب 29 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# Berkenan berangkat hadiri Majlis Santapan Diraja



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5) yang berlangsung di Dewan Santapan Istana Negara, Kuala Lumpur. Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas dari Kuala Lumpur, Malaysia. (*Lihat muka 3 dan 4*).**

# Pupuk, gilap iman dengan memperkasa pendidikan ugama

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BAGAWAN,** Isnin, 24 April. - Keimanan terhadap Allah adalah sangat mustahak dalam zaman penuh penceroba ini, kerana jika tidak, hidup akan jadi liar dan terumbang-ambing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, peranan iman menjadi penentu kepada kedudukan kita di sisi Allah.

"Jika ada iman, hati kita pasti jinak dan tawaduk, dan tidak akan sewenang-wenang untuk melakukan perkara-perkara buruk yang menyalahi ugama," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, hati yang kaya dengan iman adalah hati yang tenang, mesra Allah serta sangat mengenali siapa Allah; sehingga setakat menyebut nama Allah sahaja pun, hati itu akan gementar, dan apabila dibaca pula ayat-ayat-Nya, akan bertambah-tambah lagilah takut dan keimanan pemilik hati tersebut.

Ke muka 8

IKUTI KAMI DI
infodept.bn @Infodept_bn
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri



Muka 17

AL-QURAN teras pengajian wajib



Muka 21

ISRAK dan Mikraj satu mukjizat

# Berkenan menghantar perutusan tahniah





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, bersempena dengan pertabalan baginda selaku Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Yang Kelima Belas.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, bersempena dengan pertabalan baginda selaku Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Yang Kelima Belas.

Dalam perutusan tersebut, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta dengan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah DYMM Sultan Muhammad V sempena dengan pertabalan baginda menjadi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia yang Kelima Belas dan berharap semoga pertalian persaudaraan dan hubungan kerjasama yang erat lagi mesra yang sedia wujud dan terjalin selama ini di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia akan bertambah kukuh dan berkembang di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Pada mengakhiri titah perutusan tersebut, baginda berserta dengan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM Sultan Muhammad V, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia serta keluarga diraja sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan dilanjutkan usia serta sentiasa di dalam perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

# Karnival Kembara Islam pada 28 hingga 30 April

**Siaran Akhbar : Battle Pro Marketing & Management Services (BattlePro MMS)**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 April. - Karnival Kembara Islam yang telah diadakan sejak tahun 2014, kini kembali dan akan diadakan pada 28 April hingga 30 April di Tingkat 4, Hua Ho Manggis Ballroom. Acara yang dianjurkan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara, dengan kerjasama Battle Pro Marketing Management Services (Battle Pro MMS) ini akan berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali Jumaat akan direhatkan pada jam 11.45 pagi hingga 2.00 petang.

Karnival Kembara Islam ini bertujuan untuk memeriahkan hari-hari kebesaran Islam, iaitu sempena memperingati Sambutan Israk Mikraj sekali gus menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Karnival yang berkonsepkan Islamik, memfokuskan pertandingan dan peraduan seperti Peraduan Surah Al-Fatihah, Peraduan Azan Kanak-Kanak Berusia 12 Tahun Ke Bawah. Pertandingan Lagu Dakwah juga turut diadakan bagi para belia berumur 15 hingga 35 tahun.

Antara acara yang bakal menarik ramai pengunjung ialah cabutan bertuah 'ASEAN Dream Holiday Lucky Draw' yang akan diadakan pada hari pertama karnival pada jam 10.00 pagi. Cabutan bertuah tersebut menawarkan Pakej Percutian percuma bagi pemenang yang membuat pembelian di bawah kempen AkuManang.com.

Aktiviti-aktiviti lain yang turut diadakan yang sering menarik golongan muda dan keluarga ialah Malam Cinta Rasul yang akan diketuai oleh Ustaz Khairul Nazif sekali gus akan menyampaikan Ceramah Khas Israk Mikraj yang akan berlangsung pada Jumaat, jam 8.00 malam.

Acara ini juga bakal menampilkan beberapa jemputan khas dari Malaysia, iaitu Kumpulan Nasyid Far East yang akan bersama di penghujung Gema Karnival Kembara Islam pada malam hari kedua karnival. Pada hari terakhir karnival, Pencetus Ummah Yeop akan menyampaikan ceramah khas i-Smart Kids.

Karnival ini juga menampilkan usahawan-usahawan muda tempatan yang berpeluang untuk menjual produk dan jenama mereka sendiri yang setentunya dapat meningkatkan sosioekonomi negara.

## Dari Sidang Pengarang.

26 APRIL 2017 BERSAMAAN 1438 رجب 29

### PENDIDIKAN UGAMA DAN DAKWAH JADI KEUTAMAAN

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengumumkan penggubalan undang-undang khas yang dikenali sebagai Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013, semasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22 bagi Tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi.

Sejak undang-undang tersebut dikuatkuasakan, kemasukan kanak-kanak memasuki persekolahan ugama terus meningkat dan mendapat sambutan yang sangat baik dari kalangan ibu bapa umat Islam di negara ini. Semua itu adalah berkat keazaman yang tinggi dan kuat dari raja kita yang beriman penuh kepada Allah dan cinta kepada ajaran Islam, iaitu dengan menunaikan tanggungjawabnya dengan sempurna dan ingin membawa rakyat baginda sama-sama selamat di dunia dan di akhirat.

Bagi ibu bapa yang gagal mendaftarkan anak-anak mereka bersekolah ugama, hukuman denda maksimum BND5,000 atau penjara maksimun setahun atau kedua-duanya sekali akan dikenakan. Hukuman tersebut bukanlah bertujuan untuk membebankan para ibu bapa, tetapi apa yang paling utama dengan adanya akta perintah berkenaan, ia menjadi satu mercu tanda kejayaan kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Pengajian Islam (JPI) dalam merealisasikan pendidikan ugama di negara ini, iaitu pendidikan ugama mengikut ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Dan akan menjadi salah satu tapak semaian yang baik dan sangat sesuai untuk kesuburan dan pertumbuhan falsafah negara Melayu Islam Beraja di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi tahun 1438H / 2017M di Pusat Persidangan Antarabangsa, baru-baru ini telah bertitah mengulangi saranan baginda itu lagi, agar pihak berkenaan di negara ini menjadikan pendidikan ugama dan dakwah sebagai keutamaan, bukannya sebagai rutin semata-mata malah keduanya memerlukan penumpuan serius untuk sentiasa diperkemas dan diperkasa.

Semua ini amat penting, dalam usaha untuk memelihara akidah, selain melalui pendidikan, langkah memperkasa dakwah juga adalah mustahak. Kerana dakwah berperanan besar untuk menyuntik kesedaran beragama atau kesedaran berakidah. Sebab kalau dakwah lemah, maka akan lemah pula kesedaran ummah, titah baginda.

Menyentuh mengenai dengan penyebaran dakwah di negara ini, ia telah bertapak di bumi Darussalam semenjak zaman Sultan Muhammad lagi, yang telah menerima Islam sebagai pegangan hidup lebih dari 600 tahun yang lampau. Syiar Islam telah membawa perubahan kepada corak pentadbiran serta identiti negara ini kepada sebuah negara Islam yang bertamadun dengan calak sosiobudayanya yang tersendiri.

Sementara Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien secara rasminya telah meletakkan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Shafi'i ke dalam Perlembagaan Brunei 1959 sebagai manifestasi keutuhan tamadun dan syiar Islam.

Ketika ini, pendekatan telah banyak digunakan dalam aktiviti dakwah secara tradisi iaitu seperti semasa mengadakan kunjungan muhibah, lawatan dan ziarah dakwah, perjumpaan muhibah, sukan muhibah, kerja gotong-royong dan lain-lain, yang dilaksanakan melalui Pusat Dakwah Islamiah untuk menyebarkan agama Islam kepada yang bukan Muslim.

Pusat Dakwah Islamiah (PDI) yang ditubuhkan pada tahun 1985 memberi tumpuan kepada realiti dalam mengaplikasikan kaedah dakwah di negara ini yang dilaksanakan secara tersusun dan terancang dengan mengambil kira keadaan, suasana dan persekitaran serta kemajuan alat komunikasi masa kini, di samping memberikan kefahaman Islam yang sebenarnya kepada masyarakat. Dengan harapan dakwah mudah diterima dan dapat menarik lebih ramai lagi golongan bukan Muslim memeluk agama Islam.

InsyaaAllah di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pendidikan ugama dan penyebaran dakwah akan terus jadi keutamaan, agar akidah umat Islam di negara ini terus kukuh dan terpelihara. **- Ketua Penyuntingan (Zs).**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi APRIL | HARI | Hijrah REJAB | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26 | RABU | 29 | 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.37 |
| 27 | KHAMIS | 30 | 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.38 |
| 28 | JUMAAT | 1 SYABAAN | 4.40 | 4.50 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 29 | SABTU | 2 | 4.39 | 4.49 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 30 | AHAD | 3 | 4.39 | 4.49 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 1 MEI | ISNIN | 4 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.32 | 12.18 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 2 | SELASA | 5 | 4.38 | 4.48 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.36 | 6.26 | 7.38 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Berkenan berangkat hadiri Majlis Santapan Diraja





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5) (atas), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5) serta tetamu diraja yang lain.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas
dari Kuala Lumpur, Malaysia



**KUALA LUMPUR,** Isnin, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam malam tadi berkenan berangkat menghadiri Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

Majlis berlangsung di Dewan Santapan Istana Negara, Kuala Lumpur.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Anjung Utama, Istana Negara dijunjung oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Salleh Said Keruak, selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas dan isteri serta Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain sebelum dijunjung berangkat ke Dewan Seri Maharaja.

Dari Dewan Seri Maharaja, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat ke Dewan Seri Negara bersama Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Raja-Raja Permaisuri; serta Tuan-Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua Negeri; Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia; Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan isteri bagi sesi bergambar ramai sebelum beredar ke Dewan Santapan.

Sebelum Majlis Santapan Diraja bermula, doa dibacakan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohammad Al-Bakri.

Selesai Majlis Santapan Diraja, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat beredar ke Anjung Utama bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong serta tetamu-tetamu khas diraja yang lain sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Ke muka 4

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5) serta tetamu-tetamu khas diraja yang lain.

# Berkenan berangkat hadiri Majlis Santapan Diraja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

**Siaran Akhbar :**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas dari Kuala Lumpur, Malaysia**

**Dari muka 3**

Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Sultan Muhammad V, Sultan Kelantan, dipilih sebagai Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15 bagi menggantikan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, yang tamat tempoh pemerintahan sebagai Yang Di-Pertuan Agong Ke-14 pada bulan Disember tahun lalu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5) semasa lagu kebangsaan dimainkan.



SUASANA Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15 di Dewan Santapan, Istana Negara yang turut dimeriahkan dengan kehadiran tetamu-tetamu khas.

# Berangkat meninggalkan Kuala Lumpur

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas**
**dari Kuala Lumpur, Malaysia**

**KUALA LUMPUR**, Selasa, 25 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia setelah menghadiri Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Pangkalan Tentera Udara Subang (TUDM) bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Turut hadir bagi menyembahkan selamat berangkat ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha dan pegawai-pegawai daripada Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melambai tangan sebelum berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia.



SEBELUM berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



BAGINDA melintasi perbarisan Angkatan Bersenjata Diraja Malaysia dengan diiringi oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar di Pangkalan Tentera Udara Subang (TUDM).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur sebelum meninggalkan negara tersebut.

# Kebawah DYMM berangkat tiba di Kuala Lumpur, Malaysia



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas
dari Kuala Lumpur, Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sejurus keberangkatan tiba di tempat persemayaman baginda sepanjang keberangkatan bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

**KUALA LUMPUR,** Isnin, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Kuala Lumpur, Malaysia bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Pangkalan Tentera Udara Subang (TUDM) dijunjung oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Turut sama menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya dijunjung menaiki kenderaan khas menuju ke sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, tempat persemayaman di sepanjang keberangkatan.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Pangkalan Tentera Udara Subang (TUDM) juga dijunjung dengan perbarisan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Malaysia.

# Berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum berkenan berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman, Dk. Vivy Malessa Pg. Haji Ibrahim**
**Foto : Azmah Haji Ahad, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan Majlis Kebawah DYMM ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ialahYang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Menteri-Menteri Kabinet; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-Timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda semasa Doa Selamat dibacakan di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada para pembesar negara sebelum berangkat ke Kuala Lumpur.



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

# Pupuk, gilap iman dengan memperkasa pendidikan ugama



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**Dari muka 1**

Kerana itu, jelas baginda, pupuk dan gilaplah iman selalu termasuk dengan cara memperkasa pendidikan ugama dan memastikan kesempurnaan pendidikan ugama dari semua aspek.

"Pendidikan ugama, janganlah ia indah di atas kertas sahaja, tetapi hendaklah juga bagus pada amalinya, seperti cara belajar, jadual belajar, masa persekolahan, mata pelajaran, guru dan lain-Iain. Ini semua sangat penting untuk menjamin keberkesanan pembelajaran," tegas baginda. Baginda turut menekankan, kebajikan penuntut di dalam sekolah mesti diambil kira, seperti permakanan dan amali jasmani mereka, kerana kedua-dua faktor ini juga menjadi penentu kepada kesihatan dan pertumbuhan.

"Ketiadaan keduanya, atau jika kedua-dua itu diabaikan, tidakkah ini boleh mengundang risiko buruk kepada pertumbuhan penuntut? Kalau pertumbuhan lemah, maka pencapaian juga pastinya lemah. Kita tidak mahu pendidikan ugama lemah, kerana kesannya sangat buruk bagi masa depan. Kita adalah mahu untuk melahirkan ramai para ulama selaku tonggak untuk memelihara akidah," titah baginda lagi.

Baginda menjelaskan, langkah memperkasa dakwah juga adalah mustahak dalam usaha untuk memelihara akidah kerana ia berperanan besar untuk menyuntik kesedaran berugama atau kesedaran berakidah.

"Sebab itu kalau dakwah lemah, maka akan lemah pula kesedaran ummah," titah baginda.

Baginda juga menegaskan pihak berkenaan hendaklah menjadikan pendidikan ugama dan dakwah itu sebagai keutamaan, bukannya sebagai rutin semata-mata.

Tambah baginda, keduanya memerlukan penumpuan serius untuk sentiasa diperkemas dan diperkasa.

Terdahulu dalam titah baginda telah menyentuh mengenai bulan Rejab, di mana berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana antara hikmah peristiwa itu ialah untuk menguji keimanan kita.

Kita diuji dengan perkara yang sangat luar biasa dan tidak mungkin terjangkau oleh akal kita, maka dalam makna, ujian ini bukanlah untuk difikir, tetapi semata-mata untuk diyakini.

Siapa yang yakin akan beruntung, sementara yang tidak yakin akan rugi. Demikian itulah harga iman, yang mana ia menentukan kedudukan kita, sama ada baik atau buruk.

Dalam hubungan ini, jelas baginda, kita boleh perhatikan siapa Sayyidina Abu Bakar Radhiallahuanhu dan siapa pula Abu Lahab, yang mana kedua-dua itu sangat berbeza kedudukan.

Bersabit dengan peristiwa Israk dan Mikraj, tegas baginda, keimanan Sayyidina Abu Bakar dalam membenarkan peristiwa ini adalah penuh dan mutlak, sementara di pihak Abu Lahab pula adalah kosong sekosong-kosongnya.

"Jadi di mana nilai dua individu ini di sisi Allah? Seorang, Sayyidina Abu Bakar Radhiallahuanhu telah pun dikhabarkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai salah seorang calon penghuni syurga, sedang Abu Lahab pula akan menderita dibakar oleh api neraka (lihat Surah Al-Masad, ayat 3)," titah baginda.



SAMBUTAN Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1438H / 2017M dihadiri sama oleh para jemputan khas yang terdiri daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas) dan para diplomat negara-negara sahabat di negara ini (bawah, kiri).





ANTARA ribuan jemputan dari pelbagai peringkat masyarakat di negara ini termasuk kaum wanita tidak ketinggalan menghadiri Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara (atas).

# DPMM berangkat hadiri Istiadat Pertabalan Kebawah DYMM Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beramah mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke- 5) semasa berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Pertabalan baginda.

**Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas
dari Kuala Lumpur, Malaysia**

**KUALA LUMPUR,** Isnin, 24 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat menghadiri Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

Istiadat berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur, Malaysia. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Istana Negara dijunjung oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas dan isteri serta ahli-ahli Jawatankuasa yang lain sebelum dijunjung berangkat ke Dewan Seri Maharaja.

Istiadat ini dihadiri Raja-Raja Melayu serta ahli-ahli Kerabat Diraja Malaysia; dan juga Tuan-Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua Negeri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, wakil negara asing dan tetamu kehormat dari dalam dan luar Negara Malaysia bersama dengan isteri masing-masing.

Istiadat Pertabalan dimulakan dengan keberangkatan masuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V ke Balairung Seri, diiringi oleh Datuk Maharaja Lela berserta panglima-panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama, kedua-duanya tongkat perak yang merupakan sebahagian alat kebesaran diraja dan lambang kebesaran Kerajaan Malaysia. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Muhammad V, Sultan Kelantan dipilih sebagai Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15 bagi tempoh lima tahun pada mesyuarat khas Majlis Raja-Raja Malaysia pada bulan Oktober 2016.

Baginda menggantikan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, yang tamat tempoh pemerintahan sebagai Yang Di-Pertuan Agong Ke-14 pada bulan Disember 2016.

Acara pertabalan hari ini menandakan secara rasminya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Muhammad V memegang tampuk pemerintahan sebagai Yang Di-Pertuan Agong Ke-15. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Muhammad V diputerakan pada 6 Oktober 1969 di Istana Batu, Kota Bharu, Kelantan.

Baginda menaiki takhta sebagai Sultan Kelantan yang ke-29 pada 13 September 2010. Sebelum dilantik sebagai Yang Di-Pertuan Agong Ke-15, Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan Timbalan Yang Di-Pertuan Agong Ke-14 sejak 13 Disember 2011.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengabdikan kenangan bergambar bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke- 5) serta Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor (kanan), sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia bersama Raja-Raja Melayu serta Ahli-ahli Kerabat Diraja Malaysia pada Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

# Berangkat meninggalkan Kuala Lumpur setelah hadiri Istiadat Pertabalan

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas dari Kuala Lumpur, Malaysia**

**KUALA LUMPUR,** Isnin, 24 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri hari ini berkenan berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia setelah menghadiri Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Hadir di Pangkalan Tentera Udara Subang (TUDM) bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Berbahagia Dato Kamilan Maksom, Ketua Protokol Malaysia.

Turut hadir bagi menyembahkan selamat berangkat ialah Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd Taha, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia dan isteri serta pegawai-pegawai daripada Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid sebelum berkenan berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia setelah menghadiri Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).**





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan dijunjung menaiki pesawat khas oleh Ketua Protokol Malaysia, Yang Berbahagia Dato Kamilan Maksom sambil berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai yang bertugas.**

**DULI Yang Teramat Mulia berkenan berangkat meninggalkan tempat persemayaman sepanjang berada di Kuala Lumpur setelah menghadiri Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15, Sultan Muhammad V (Ke-5).**

# Berkenan menerima mengadap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama David Campbell yang akan menamatkan perkhidmatan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, pagi tadi berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama David Campbell yang akan menamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 2 Oktober 2013.

Majlis tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan, di sini.

# Penggunaan Sukuk sebagai kaedah pembiayaan

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa membentangkan ucaptama pada Majlis Pembukaan Bengkel Islamic Development Bank Sukuk Model Law.

**JERUDONG**, Selasa, 25 April. - Kewangan Islam terus berkembang yang mana matlamat Negara Brunei Darussalam untuk memanfaatkan ciri-ciri unik seperti perkembangan sebagai hab Pengurusan Kewangan Islam dan Dana yang disediakan untuk pertumbuhan yang semakin cepat dan meningkat di rantau ASEAN serta pasaran dunia, di mana terdapat aliran meningkat dalam permintaan bagi produk kewangan Islam yang lebih inovatif dan perkhidmatan termasuk penggunaan Sukuk sebagai kaedah pembiayaan.

Perkara itu dinyatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa membentangkan ucaptama pada Majlis Pembukaan Bengkel Islamic Development Bank Sukuk Model Law yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Yang Mulia seterusnya menjelaskan, setelah diperkenalkan pada tahun 2006, Program Sukuk Al Ijarah Kerajaan Brunei bertujuan untuk menjadi salah satu cara untuk mengaktifkan pasaran modal tempatan.

Tambahnya, rangka kerja yang wujud dalam kebanyakannya memenuhi bagi maksud berkenaan.

## Bengkel IDB Sukuk landasan berkongsi pendapat

**JERUDONG**, Selasa, 25 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Islamic Development Bank (IDB) menganjurkan Bengkel IDB Sukuk Model Law bertempat di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis pembukaan bengkel tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman dan diteruskan dengan ucaptama daripada tetamu kehormat.

Bengkel berkenaan adalah sebuah inisiatif yang diperkenalkan oleh IDB dan Islamic Research and Training Institute (IRTI), yang bertujuan untuk memberikan satu landasan bagi pakar-pakar di dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan pengeluaran Sukuk selain bertukar-tukar pendapat dan seterusnya membolehkan pihak-pihak berkuasa menggubal sebuah rangka kerja undang-undang yang meliputi pengeluaran, pengawalseliaan dan pemantauan Sukuk.

Bengkel dihadiri oleh lebih 100 peserta daripada bank-bank pusat serantau dan antarabangsa, dan pegawai-pegawai daripada sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam, serta pegawai-pegawai AMBD.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa bergambar ramai bersama para peserta Bengkel IDB Sukuk Model Law.

# Berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj



BERANGKAT sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan lawatan ke Pameran dan Jualan Hasil Usahawan Tempatan Termasuk Produk Brunei Halal sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1438H / 2017M Peringkat Negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta paduka-paduka adinda dan anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib DatoPaduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1438H serta Ahli-Ahli Jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir Tahun 1437H / 2016M, Awang Mohammad Sa'adun bin Suhaili manakala kesimpulan maknanya dibacakan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KEHU), Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya menyembahkan Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini diberikan tema yang menekankan kepentingan iman dan takwa dengan rangkaian kata 'Iman Teguh Aqidah Teguh' yang antaranya bermaksud supaya setiap individu Muslim dalam apa jua kapasitas dan kadar keupayaan akan sentiasa memastikan kemurnian fahaman dan amalan berugama.

Sembah Yang berhormat, tema sambutan Israk dan Mikraj ini dengan rangkaian kata Iman Teguh Akidah Kukuh selari dengan tuntutan Allah Subhanahu Wata'ala supaya setiap individu Muslim yang beriman mengukuhkan iman dan taqwanya dengan kekal dalam landasan keIslaman yang membawa kebahagiaan dirinya dan kebahagiaan sesama makhluk Allah, sesama manusia, tidak setakat seumat bahkan senegara dan sejagat.

Yang Berhormat juga menyembahkan bahawa bagi menyemarakkan sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini, KHEU melalui jabatan dan bahagian di bawahnya akan menyelenggarakan beberapa acara iringan, iaitu Karnival Mudahnya Sembahyang yang akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan dan acara iringan seterusnya, adalah ceramah-ceramah yang akan dikendalikan oleh kementerian-kementerian, institusi-institusi pengajian dan masjid-masjid.

Pada majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan titah.

Acara diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Iman Teguh Akidah Kukuh' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Bidang Hadis, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Damit.

Bagi memohon berkat dan rahmat di majlis yang berkebajikan ini, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM juga berkenan mengadakan lawatan ke Pameran dan Jualan Hasil Usahawan Tempatan Termasuk Produk Brunei Halal sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1438H / 2017M Peringkat Negara.

Pameran diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 26 April nanti dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang bertempat di ruang legar, ICC, di sini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengar sembah taklimat daripada usahawan tempatan yang ikut serta pada Pameran dan Jualan Produk Brunei Halal sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1438H / 2017M.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda berkenan mengadakan lawatan ke klinik Al-Fatihah, mentasmik bacaan Surah Al-Fatihah yang dikendalikan oleh Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mengadakan lawatan dan mendengarkan sembah taklimat daripada para usahawan tempatan yang ikut serta pada Pameran dan Jualan Produk Brunei Halal sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara (kiri dan kanan).



ANTARA belia yang ikut serta pada pameran dan jualan produk berkenaan.



DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA**
**PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR**
**DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM**
**KELAS : II, III & IV**
**KATEGORI : B01 SAHAJA - KOD BAHARU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL**
**DOKUMEN TAWARAN PADA :**
**9 MEI 2017 (Selasa)**

**TARIKH TUTUP : 23 Mei 2017 (Selasa)**
**tidak lewat dari jam 2.00 Petang**

**BIL. TAWARAN :**
**JKR / DTS / 16 / CQS / 2017 - T/III**

**NAMA PROJEK :**
**PROPOSED SG. AKAR SECONDARY SCHOOL,**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - SUPPLY AND INSTALL**
**SPORTS FLOORING AND MISCELLANEOUS WORKS (2ND RE-RENDER)**

**NO. PROJEK : DTS / SAR / D570(h)**

**YURAN TAWARAN : BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**
**E-DOKUMEN : -**

SYARAT-SYARAT tawaran dan dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

PSC RECRUITMENT

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 36/04/17 (SPA/BIKL)
Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 26 APRIL 2017
**TARIKH TUTUP: 10 MEI 2017**

| 1. PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT | 2. PENGAWAS TINGKAT I |
| --- | --- |
| C.3-4 EB.5 | D.3 EB.4 |
| BAHAGIAN III | BAHAGIAN IV |
| JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT | PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA |
| KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN | KEMENTERIAN KEWANGAN |
| KEKOSONGAN: 1 | KEKOSONGAN: 1 |

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**
Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

**HELPLINE:**
**TALIAN DARUSSALAM 123**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

**Radio Televisyen Brunei**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Negara Brunei Darussalam**

**BILANGAN TAWARAN :**
**RTB / 06 / 2017**

**TENDER NO. RTB/ 06/ 2017 - SUPPLY AND DELIVERY OF ENG CAMCORDER & ACCESSORIES AT STANDUP POSITIONS FOR THE GOLDEN JUBILEE CELEBRATION OF HIS MAJESTY'S ACCESSION TO THE THRONE**

**Bayaran tawaran : BND10.00**
**(tidak dikembalikan)**

**Tarikh tutup : 16 Mei 2017**

**BILANGAN TAWARAN :**
**RTB / 07 / 2017**

**TENDER NO. RTB / 07 / 2017 - SUPPLY AND DELIVERY OF BROADCAST CENTRE VIDEO FACILITY FOR THE GOLDEN JUBILEE CELEBRATION OF HIS MAJESTY'S ACCESSION TO THE THRONE**

**Bayaran tawaran : BND10.00**
**(tidak dikembalikan)**

**Tarikh tutup : 16 Mei 2017**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal, agen-agen dan pengedar-pengedar bagi tawaran-tawaran tersebut.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari **Seksyen Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam** semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak **BND10 (tidak dikembalikan).**

3. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan.

4. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong. Bagaimanapun bilangan nombor rujukan tawaran *(tender reference no.)* dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.

5. Tarikh tutup tawaran bagi **RTB / 06 / 2017** dan **RTB / 07 / 2017** ialah pada **Selasa, 16 Mei 2017, jam 2.00 Petang.**

7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan, BB3913**
**Negara Brunei Darussalam.**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Jabatan Perdana Menteri.**

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

**JABATAN PELABUHAN**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**INSTRUCTION TO TENDERERS**

**JP / SH22 / 2017 - 2018**
**REPLACEMENT OF DEFECTIVE SPLIT TYPE AIR CONDITIONING UNITS AT HEADQUARTERS, GATE HOUSE AND SERASA FERRY TERMINAL, PORTS DEPARTMENT**

1. TENDERERS are invited from supplier company who registered with Ministry of Development, Negara Brunei Darussalam under Work Category MO1 (5j) and Class I and II.

2. Tender document can be obtained from :

**Tender and Quotation Unit**
**2nd Floor, Head Quarters Building**
**Ports Department, Muara, BT1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Monday** until **Thursday**
**8.00 Am** until **11.00 Am**
**1.30 Pm** until **2.30 Pm**
**Saturday, 8.00 Am** until **10.00 Am**

**TIME AND PLACE FOR SUBMISSION OF TENDERS :**

3. The tender(s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements:

a) **JP / SH22 / 2017 - 2018 - REPLACEMENT OF DEFECTIVE SPLIT TYPE AIR CONDITIONING UNITS AT HEADQUARTERS, GATE HOUSE AND SERASA FERRY TERMINAL, PORTS DEPARTMENT** must be clearly written on the front side of the envelope.

b) The envelope used must NOT bare the name or logo of any company of supplier.

c) The envelope must be put inside **"PETI SEBUT HARGA"** addressed to :

**The Chairman**
**Quotation Committee**
**2nd Floor, Head Quarters Building**
**Ports Department, Muara, BT1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

d) The tenders will be received only until **WEDNESDAY, 10 MAY 2017 at 2.00 Pm.**

**INSTRUCTION TO TENDERERS**

**JP / SH23 / 2017-2018**
**SAMBUTAN PERARAKAN JUBLI EMAS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA**
**- Kelengkapan dan Kemudahan Penuntut termasuk Tandas Awam**

1. Tenderers are invited from Supplier Company who registered with Ministry of Development, Negara Brunei and Certificate 16 and 17, FORM X for Private Limited Company

2. Tender document can be obtained from :

**Tender and Quotation Unit**
**2nd Floor, Head Quarters Building**
**Ports Department, Muara, BT1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Monday** until **Thursday**
**8.00 Am** until **11.00 Am**
**1.30 Pm** until **2.30 Pm**
**Saturday, 8.00 Am** until **10.00 Am**

**TIME AND PLACE FOR SUBMISSION OF TENDERS :**

3. The tender(s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements :

a) **JP / SH23 / 2017 - 2018 - SAMBUTAN PERARAKAN JUBLI EMAS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA - Kelengkapan dan kemudahan penuntut termasuk Tandas Awam** must be clearly written on the front side of the envelope.

b) The envelope used must NOT bare the name or logo of any company of supplier.

c) The envelope must be put inside **"PETI SEBUT HARGA"** addressed to :

**The Chairman**
**Quotation Committee**
**2nd Floor, Head Quarters Building**
**Ports Department, Muara, BT1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

d) The tenders will be received only until **WEDNESDAY, 10 MAY 2017 at 2.00 Pm.**

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**No. Tawaran : JPPK / LTN / 07 / 2017**

**Tajuk Tawaran :**
**PROPOSED REPLACEMENT OF EXISTING WATER PIPES AT BOLKIAH GARRISON**

**BAYARAN TAWARAN :**
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**Kelas : III ATAU KE ATAS**
**Kategori : KPB04**
**Tempoh Penyiapan : TIGA (3) BULAN**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 9 Mei 2017.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok 'D', Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 5 Mei 2017, Jumaat, jam 11.00 Pagi.**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**No. Tawaran : JPPK / LTN / 09 / 2017**

**Tajuk Tawaran :**
**THREE YEARS TERM CONTRACT FOR STATUTORY INSPECTION OF LIFTING EQUIPMENT AND PRESSURE VESSELS IN MILITARY ESTABLISHMENT.**

**BAYARAN TAWARAN :**
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**Kelas : III ATAU DAN KE ATAS**
**Kategori : KPME02**
**Tempoh Penyiapan : TIGA (3) BULAN**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 16 Mei 2017.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok 'D', Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 12 Mei 2017, Jumaat, jam 11.00 Pagi.**

Bayaran tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Pentadbiran dan kewangan. Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Pintu Masuk 5, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran pada hari-hari biasa :**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Jumaat**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**

Waktu bagi mengambil dokumen tawaran adalah pada waktu pejabat.

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Pemborong yang tidak memenuhi kelas dan kategori yang dinyatakan, tidak akan dibenarkan untuk menyertai tawaran ini.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

**Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.**

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

Pembekal kelas rendah yang berkeinginan untuk ikut serta hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dengan memohon secara bertulis ke alamat Pengarah Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1, Blok 'D', Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam. Permohonan tersebut hendaklah dihantar dan diterima oleh jabatan tidak lewat satu (1) minggu dari tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran.

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**BILANGAN TAWARAN:**
**MOE/LTK/21/2017/2018 (UTB)**

**KETERANGAN :**
**SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING TO INCLUDE TRAINING OF A RECIRCULATIONING AIR CONDITIONING UNIT (AIR CONDITIONING TRAINER SYSTEM) TO UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI**

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN : BND30.00 (bayaran yuran / dokumen tawaran tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**
**9 MEI 2014 (tidak lewat jam 2.00 petang)**

**WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.45 Pagi**
**1.45 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

**Syarat-Syarat Iklan Tawaran**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran yuran tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk wang tunai. Penawar adalah dikehendaki membayar semua yuran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penawar sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide- tender*).

3. **Kadar yuran tawaran** adalah seperti yang ditetapkan dalam **iklan tawaran.**

4. Borang-borang Tawaran boleh diperoleh **di Tingkat 1, Blok 'F', Bahagian Kewangan, Universiti Teknologi Brunei, Tungku Link, Gadong, Negara Brunei Darussalam.** Sila pastikan resit pembayaran yuran tawaran yang diterima adalah betul.

5. Borang-borang tawaran boleh diperoleh **di Tingkat 1, Blok 'F', Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Kewangan, Universiti Teknologi Brunei, Tungku Link, Gadong, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan **sijil pendaftaran perniagaan** dan **s**alinan **resit bayaran yuran tawaran.**

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis **bilangan tawaran, tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran** tanpa menunjukkan identiti penawar dan ditujukan kepada :

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Kementerian Pendidikan**
**Blok 'A', Tingkat 1**
**Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A'**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BA3510**
**Negara Brunei Darussalam.**

8. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A', Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur *(non-bona-fide-tender)* dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan **dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.**

## JABATAN DAERAH TEMBURONG
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**JDT / S / 7 / 2017**

**NAMA SEBUT HARGA :**
**PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN BAGI MAJLIS SANTAP SEMASA KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE DAERAH TEMBURONG SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-71 TAHUN**

**SYARAT-SYARAT :**

1. SEBUT harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat / restoran-restoran yang berlesen untuk menyediakan makanan dan minuman di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, Temburong.

2. Keterangan lanjut boleh diperoleh di **Kaunter Penyambut Tetamu Aras Bawah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** atau di **Bahagian Pentadbiran, Tingkat II, Jabatan Daerah Temburong pada waktu-waktu bekerja** dan **Bilik Penyambut Tetamu, Rumah Persinggahan Kerajaan, Daerah Temburong bila-bila masa.**

3. Sebut harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi. Di sampul surat hendaklah ditulis nama dan bilangan sebut harga yang tersebut di atas tanpa menunjukkan sebarang pengenalan diri pengirim.

4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Tingkat Bawah, Jabatan Daerah Temburong** dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA**
**JABATAN DAERAH TEMBURONG**

**"PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN BAGI MAJLIS SANTAP SEMASA KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE DAERAH TEMBURONG SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-71 TAHUN"**

5. Tarikh tutup menghadapkan sebut harga adalah pada **Sabtu, 13 Mei 2017, jam 1.45 Petang**. Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan tidak akan dilayan.

6. Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah dihadapkan bersama-sama dengan borang sebut harga yang telah disediakan oleh Jabatan Daerah Temburong :

i) Sijil Pendaftaran Syarikat.
ii) Sijil Halal dari Majlis Ugama Islam Brunei.

7. Sebut harga hendaklah sah diguna pakai sehingga **31 OKTOBER 2017.**

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**KEMENTERIAN KESIHATAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 12 April 2017.** Sila layari *website* Kementerian Kesihatan ***www.moh.gov.bn.***

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah**
**Kementerian Kesihatan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Negara, Selasa pada 9 Mei 2017.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran *(tender fee)* bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sahlaku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan *(drug and medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act* (Cap. 114).
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai lesen pendaftaran yang masih sah daripada Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

| BIL TAWARAN | KETERANGAN | YURAN TAWARAN | TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang |
|---|---|---|---|
| KK/09/2017 (LAB) | TO SUPPLY AND DELIVERY OF BLOOD CULTURE BOTTLES AND CONSUMABLES FOR CLINICAL MICROBIOLOGY LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF ONE(1)YEAR | $30.00 | 09/05/2017 |
| KK/10/2017 (ESTETMOH) | REFURBISHMENT WORK FOR MOH COMPLEX, MINISTRY OF HEALTH<br>**Kelayakan Pemborong/Pembekal:** Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan<br>**Kelas:** II dan III<br>**Kategori:** B01 AND E01 | $10.00 | 09/05/2017 |
| KK/37/2017 (LAB)(TC) | TO SUPPLY AND DELIVER LABORATORY TEST KITS WITH PROVISION OF EQUIPMENT FOR BLOOD TRANSFUSION SCREENING AND TESTING FOR BLOOD DONORS AND RECIPIENTS, BLOOD DONATION CENTRE CLINICAL LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF FIVE(5) YEARS | $500.00 | 09/05/2017 |
| KK/38/2017 (ESTETMOH)(TC) **Retender from KK/111/2016 (ESTET)(TC)** | THREE(3) YEARS TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE AND REPAIR OF GENERATOR SETS UNDER MINISTRY OF HEALTH<br>**Kelayakan Pemborong/Pembekal:** Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan<br>**Kategori :** M03, E01, E02 AND E03 | $30.00 | 09/05/2017 |

| BIL TAWARAN | KETERANGAN | YURAN TAWARAN | TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang |
|---|---|---|---|
| PHARM/66/2017 | THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH | $30.00 | 09/05/2017 |
| PHARM/67/2017 | THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH | $30.00 | 09/05/2017 |
| PHARM/68/2017 | THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH | $10.00 | 09/05/2017 |
| PHARM/69/2017 | THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH | $30.00 | 09/05/2017 |
| PHARM/70/2017 | THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH | $30.00 | 09/05/2017 |

## JABATAN PENJARA
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**BILANGAN TAWARAN :**
**JPB / 2 / 2017**

**KETERANGAN :**
**MEMBEKALKAN**
**CATUAN MAKANAN BAGI**
**PENJARA LELAKI MARABURONG**

**YURAN TAWARAN : BND100.00**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**
**Khamis, 25 Mei 2017**
**(tidak lewat dari jam 2.00 Petang)**

**WAKTU-WAKTU MENERIMA / MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.30 Pagi** hingga **11.30 Pagi**
**1.30Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.30 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat- syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*). Pada bahagian atau sampul surat tersebut hendaklah ditulis bilangan tawaran dan nama tawaran sepertimana yang diklankan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**ARAS BAWAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**
**JALAN JAMES PEARCE**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Tawaran tersebut hendaklah dihadapkan tidak lewat dari **jam 2.00 Petang pada Khamis, 25 Mei 2017**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. Borang-borang tawaran bolehlah diperoleh di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan Penjara, Jalan Jerudong, BG3122, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran tawaran *(tender fee)* dikehendaki dibuat dengan wang tunai sahaja dan tidak dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan Penjara, Jalan Jerudong, BG3122, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.

6. Setiap borang tawaran yang telah lengkap diisikan hendaklah disertakan dengan salinan sijil pendaftaran perniagaan, salinan kad pengenalan (kad pengenalan negeri asal / Brunei atau pasport), borang pengakuan (*declaration form*), borang senarai pemilik syarikat, senarai projek yang sedang dan telah dilaksanakan dan senarai nama pekerja tempatan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**KENYATAAN TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**
**04 / 2017 / KKBS / PPB / 01**

**TAJUK TAWARAN :**
**TAWARAN UNTUK MENGENDALI KURSUS PEMANDU JENTERA BERAT (PROGRAM SINGKAT) PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN dibukakan pada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai pengalaman dan berkemahiran dalam urusan pengendalian Kursus Pemandu Jentera Berat serta pengendali kursus / sekolah memandu hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan.

Dokumen tawaran boleh diperoleh dari **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

Yuran tawaran adalah **BND30.00 (Tiga Puluh Ringgit)** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat / pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah *(bona-fide-tender).*

Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Tingkat 1, Ruang Masuk / Penyambut Tetamu (Depan Kaunter Sekuriti)**
**Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17**
**Jalan Kebangsaan, BS8110**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat Selasa, 9 Mei 2017, jam 2.00 Petang.**

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada **Selasa, 9 Mei 2017, jam 2.00 Petang.**

# Al-Quran teras pengajian wajib

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (kiri) ketika melancarkan Seminar Nusantara Pendidikan Al-Quran dan Kitab Turath sempena 10 Tahun Penubuhan KUPU SB.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 25 April. - Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke arah memartabatkan perguruan ugama dengan menjadikan Al-Quran sebagai sumber yang utama dan juga sebagai teras pengajian yang wajib dipelajari oleh setiap pelajar adalah tepat dan kena pada masanya.

Ini juga termasuk dalam pengajian Kitab Turath, pengintegrasian ilmu antara keilmuan terkini dan tradisi yang wajar dan perlu dipelajari oleh semua peringkat pelajar agar dapat melahirkan manusia pendidik yang berilmu dan beramal menurut acuan Ahli Sunnah Waljamaah yang pertama dan utama.

Berikutan usaha-usaha tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud berasa yakin dan percaya bahawa ia akan membuahkan hasil yang cemerlang dan gemilang.

Semasa berucap pada Seminar Nusantara Pendidikan Al-Quran dan Kitab Turath sempena 10 Tahun Penubuhan KUPU SB berlangsung di Dewan Tarbiyyah Kolej tersebut di sini, Yang Mulia Dato Paduka turut mengambil maklum bahawa usaha-usaha KUPU SB melalui Pusat Ilmu Teras, dalam memperkasa pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dan Kitab Turath bukan sahaja di kalangan mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB, bahkan turut dilaratkan di kalangan kakitangan akademik dan non akademik KUPU SB, khususnya bagi mereka yang dikenal pasti memerlukan bimbingan lanjutan.

"Ini adalah suatu usaha dan inisiatif yang sangat tepat dan mulia kerana usaha ini memperlihatkan bahawa pihak KUPU SB benar-benar mengambil berat serta prihatin akan keperluan dan kesejahteraan warga KUPU SB dan dalam hal ini termasuklah kepentingan pendidikan Al-Quran dalam kalangan mereka," jelasnya.

Dalam pada itu, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti turut menyarankan agar pihak KUPU SB, iaitu melalui Pusat Ilmu Teras akan dapat menghidupkan dan mengangkat kembali aktiviti-aktiviti pembudayaan bagi menyemarakkan lagi persada pengajian membaca Al-Quran secara bertarannum dalam kalangan pelajar-pelajar KUPU SB, sebagaimana suatu ketika dulu tertubuhnya Majlis Al-Qurra di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang telah melahirkan qari dan qariah yang berpotensi besar dan berjaya mengharumkan negara di persada antarabangsa.

"Pada hemat saya, usaha sedemikian boleh dilaksanakan dengan wujudnya kerjasama dan kolaborasi tenaga, kemahiran dan kepakaran daripada para qari dan qariah tempatan kita dalam hasrat untuk melahirkan generasi pelapis ummah khususnya dalam bidang tilawah Al-Quran secara bertarannum. Saya yakin, para qari dan qariah kita sudah setentunya mampu untuk memikul tanggungjawab ini kerana saya percaya mereka mempunyai pengalaman yang luas, apatah lagi sebahagian mereka terbukti telah berjaya memenangi dan menempah nama di kejohanan dalam dan luar negara," terang Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Hal ini tambah Yang Mulia Dato Paduka, sudah setentunya selaras dengan hasrat serta komitmen pihak kepimpinan tertinggi dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir, di mana melalui usaha-usaha Pusat Ilmu Teras khasnya, telah memberikan laluan mudah pada KUPU SB untuk menjalankan peranannya dalam merealisasikan hasrat menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dengan memperkasa pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dan Kitab Turath.

# Kampung Kulapis miliki masjid baharu



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof semasa menyertu bangunan Masjid Kampung Kulapis.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**MUKIM SENGKURONG**, Selasa, 25 April. - Penduduk Kampung Kulapis dan sekitarnya akan mempunyai sebuah masjid baharu dalam masa terdekat ini.

Sehubungan itu, Majlis Menyertu Bangunan Baharu Masjid Wakaf Kampung Kulapis diadakan di Bangunan Baharu Masjid berkenaan, yang dimulai oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Masjid Wakaf Kampung Kulapis tersebut boleh menampung secara keseluruhan seramai lebih kurang 700 jemaah.

Antara kemudahan yang disediakan di masjid itu seperti Dewan Sembahyang Utama (Lelaki), Ruang Sembahyang Perempuan, Bilik Imam / Bilal, Bilik Stor, Bilik Dapur, Bilik Bacaan, Bilik Mesyuarat, Bilik Serbaguna, Tempat Letak Kereta, Tandas dan Tempat Berwuduk bagi jemaah Lelaki dan Perempuan yang berasingan dan Bilik Pengurusan Jenazah.

Majlis menyertu bertujuan untuk memastikan kebersihannya sebelum pemasangan permaidani dilaksanakan dan sebelum masjid ini digunakan sepenuhnya.

Acara pada hari tersebut diakhiri dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dikepalai oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

# 13 kertas kerja dibentangkan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 25 April. - Sebanyak 13 kertas kerja termasuk tiga kertas utama yang merangkumi bidang pendidikan Al-Quran dan Kitab Turath dibentangkan sepanjang Seminar Nusantara Pendidikan Al-Quran dan Kitab Turath sempena 10 Tahun Penubuhan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang bermula hari ini.

Seminar dua hari itu bertemakan 'Pemantapan Pendidikan Al-Quran dan Kitab Turath Tunggak Kecemerlangan Islam' telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, berlangsung di Dewan Tarbiyyah, KUPU SB, di sini.

Seramai lima orang pembentang luar negara diundang bagi mengongsikan kertas kerja masing-masing di samping lapan orang pembentang tempatan.

Para pembentang undangan terdiri daripada Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Azmil bin Hashim dari Jabatan Pengajian Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia; Yang Berbahagia Profesor Dr Wan Jamaluddin Zakaria dari Fakultas Tarbiyah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Raden Intan Lampung Indonesia; Pengarah Akademi Kajian Ketamadunan Kompleks Dar al-Hikmah (KDH), Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Dr Ghazali bin Basri; Dekan Fakultas Usuluddin, Institut Perguruan Tinggi Ilmu Al-Quran, Jakarta Indonesia, Yang Berbahagia Dr Ahmad Husnul Hakim Imzi dan Timbalan Dekan Fakultas Dakwah dan Komunikasi, Universitas Islam Negeri Mataram Indonesia, Yang Berbahagia Dr Haji Fahrurrozi bin Dahlan.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar selaku pengerusi seminar menjelaskan, KUPU SB mempunyai peranan yang amat besar dalam menyebarkan dan mempertahankan ajaran ugama Islam melalui perguruan ugama.

Bidang ini tambahnya, dianggap penting untuk melahirkan manusia pendidik yang berilmu dan beramal menurut acuan Ahli Sunnah Waljamaah yang mana telah meletakkan Al-Quran sebagai sumber yang pertama dan utama dalam pengajiannya serta membekalkan para mahasiswa dan mahasiswi pengintegrasian ilmu antara keilmuan terkini dan tradisi menerusi pengajian Kitab Turath.

Sementara itu, pada hari kedua seminar pula akan diadakan forum yang membawakan tema seminar dan akan dijayakan oleh tiga orang ahli panel iaitu Profesor Madya Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Profesor Madya Dr Haji Misnan bin Haji Jemali bersama dua panel undangan luar negara iaitu Yang Berbahagia Profesor Dr Ghazali bin Basri dan Yang Berbahagia Dr Ahmad Husnul Hakim Imzi.

Antara objektif seminar adalah bagi menjunjung tinggi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir dengan Al-Quran sebagai paksi utamanya dan menjunjung tinggi akan keprihatinan baginda mengenai kepentingan tulisan jawi dan Kitab Turath.

Selain itu, seminar juga bagi memperkenalkan bahawa KUPU SB adalah satu-satunya institusi pengajian tinggi Islam yang menawarkan kursus-kursus pengajian atau pengajaran Kitab Turath secara bersungguh-sungguh di rantau ini dan juga peringkat antarabangsa serta memberikan pemahaman kepada para tenaga akademik dan orang awam tentang pentingnya Kitab Turath sekali gus memperkenalkan kepelbagaian metod pengajian Kitab Turath.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada Seminar Nusantara Pendidikan Al-Quran dan Kitab Turath sempena 10 Tahun Penubuhan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

# Pemenang Minda Pembaca!

Minda pembaca

## Keluarga berperanan bentuk sahsiah anak-anak

KELUARGA merupakan satu anugerah istimewa dari Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak ternilai kepada kita dengan pelbagai bentuk kehidupan. Sejak dari kecil lagi, ibu bapa merupakan cikgu yang berperanan penting dalam pembentukan sahsiah anak-anak mereka.

Pelbagai cara untuk membentuk sahsiah anak-anak pada masa kini di antaranya ialah ibu bapa dan ahli keluarga perlu membimbing anak-anak mereka dari segi keagamaan seperti mengerjakan solat berjemaah bersama ahli keluarga yang lain, mengajar mengaji dan menceritakan kisah-kisah keagamaan yang dapat diambil sebagai pengajaran. Dengan penerapan didikan agama yang kuat dan sempurna dalam diri anak-anak akan dapat mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diinginkan apatah lagi dalam era globalisasi ini, yang mana gejala sosial dalam tahap yang membimbangkan.

Selain itu, ibu bapa juga perlu menjaga anak-anak dengan penuh kasih sayang agar mereka akan merasa dihargai dan saling mesra dengan ahli keluarga yang lain seperti Perambahan Brunei, bagai indakan titik indakan tumpah. Bagaimanapun, memberikan kasih sayang itu bukan dengan kemewahan yang berlebihan tetapi dengan mengajar cara kehidupan yang sederhana dan mengenal erti tanggungjawab dalam kehidupan agar anak-anak tidak menjadi seorang yang sombong dan bergantung hidup pada orang lain.

Dalam pembentukan sahsiah anak-anak dengan baik akan dapat menjadikan anak-anak kita menjadi seorang yang berguna dan mulia di sisi masyarakat. Hal ini kerana anak-anak merupakan aset yang akan meneraju negara pada masa akan datang. Oleh itu ibu bapa dan ahli keluarga perlu peka sedari awal dalam membentuk sahsiah anak-anak mereka.

**Nama : Nurzariyan binti Zahri Ismail**
**No. K/P : 01-052914 (K)**
**Alamat : No.5, Simpang 124, Kampung Madang, Jalan Berakas, BC3715 Negara Brunei Darussalam.**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Elakkan Pembaziran Kekalkan Penjimatan Tenaga Elektrik'.** Tarikh Tutup : **26 April 2017**
2. **'Kemajuan Sains dan Teknologi Mendatangkan Kebaikan Kepada Manusia'.** Tarikh Tutup : **3 Mei 2017**
3. **'Kepentingan Mempertahankan Adat Warisan'.** Tarikh Tutup : **10 Mei 2017**

**Terma dan Syarat :**
1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00.**

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

# PDB adakan Majlis Sambutan Israk Mikraj

**Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 25 April. - Badan Ugama Islam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj bertempat di Surau, Kompleks Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, di sini.

Majlis dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam selaku tetamu kehormat.

Sambutan Israk Mikraj turut dihadiri oleh Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Mohammad Irwan bin Haji Hambali, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota-anggota pasukan berkenaan.

Terdahulu Majlis Sambutan Israk Mikraj dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Imam surau berkenaan diikuti dengan Ceramah Khas Israk Mikraj bertemakan Setia Kawan yang disampaikan oleh Dr. Abdurrahman Haqi, penceramah undangan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (tiga, kanan) selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk Mikraj bertempat di Surau, Kompleks Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei.

# Rombongan gabungan Muslimah ke Kuala Lumpur




ROMBONGAN bergambar ramai ketika berpeluang berkunjung ke Persatuan Halaqah Al-Quran di Selangor.

**Berita dan Foto : Ihsan Faridah Haji Ibrahim**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 24 April. - Seramai 21 ahli Muslimah Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen Kampung Mulaut dan Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi lawatan keagamaan beberapa hari yang lepas.

Lawatan rombongan selama lima hari bermula 20 April yang lalu disertai oleh para Muslimah masjid-masjid di negara itu diketuai oleh Dayang Sharah binti Omar.

Sepanjang lawatan berkenaan, rombongan juga berpeluang bertemu dengan Persatuan Halaqah Al-Quran Selangor, selain membuat kerja amal dengan menyumbangkan derma kepada anak yatim dan rumah wakaf tahsin tilawah, tempat mengajar Al-Quran bagi orang dewasa dan kanak kanak.

Sementara pada 23 April pula, rombongan berkesempatan memberikan sumbangan berupa makanan kepada seramai 300 orang dengan kerjasama anjuran Persatuan Halaqah Al-Quran Selangor.

Dengan pertukaran lawatan berkenaan, ia bukan sahaja dapat berkongsi pengalaman malah juga dapat mengeratkan lagi hubungan ukhuwah di antara kedua pihak.

# Zikrullah : Ketahui Hakikat, Adab dan Hukum-Hakamnya




**KELUARAN KEDUA**

**Adab Ketika Mengerjakan *Zikrullah***

**ZIKRULLAH** merupakan satu perbuatan memuji dan mengingati Allah *Subhanahu Wata'ala.* Dari itu, ia bukan satu perbuatan biasa, bahkan ia adalah sejenis ibadat. Oleh sebab itu, pastinya ia mempunyai adab-adab tertentu yang perlu dijaga sesuai dengan kebesaran dan kemuliaan zat yang dipuji dan diingati itu. Dengan menjaga adab-adab ini, ibadat zikir yang dikerjakan itu lebih mudah untuk diterima dan diberi ganjaran yang selayaknya. Ini dengan sendirinya mendatangkan kelazatan ketika mengerjakan *zikrullah*. Antara adab tersebut ialah :

(i) Memohon 'inayah dari Allah *Subhanahu Wata'ala* supaya sentiasa diberikan kecenderungan dan kemudahan untuk mengerjakan *zikrullah.*

Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Mu'az bin Jabal *Radhiallahuanhu,* di mana beliau meriwayatkan bahawa Baginda *Sallallahu Alaihi Wasallam* telah mewasiatkan kepadanya supaya membaca doa di bawah ini setiap kali selepas sembahyang :

**Maksudnya :** *"Ya Allah, bantulah aku agar selalu berzikir mengingati-Mu, mensyukuri-Mu dan beribadat kepada-Mu dengan baik."*

(Hadis riwayat Abu Daud, an-Nasa'i dan Ahmad)

(ii) Suci daripada hadas.

Adab ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan daripada al-Muhajir bin Qunfuz *Radhiallahuanhuma*. Dalam riwayat tersebut, beliau menceritakan bahawa beliau telah memberi salam kepada Baginda *Sallallahu Alaihi Wasallam* ketika Baginda membuang air kecil. Bagaimanapun, Baginda tidak menjawab salam tersebut sehinggalah Baginda selesai mengambil wudhu. Selepas menjawab salamnya, Baginda pun bersabda kepadanya :

**Maksudnya :** *"Sesungguhnya tidak ada yang menghalangku daripada menjawab (salam)mu, namun aku tidak suka untuk berzikir kepada Allah (dengan menjawab salammu) kecuali ketika aku dalam keadaan suci (daripada hadas)."*

(Hadis riwayat Abu Daud dan Ahmad)

(iii) Berada dalam keadaan elok dan bersih pada tubuh badan dan pakaian.

Menurut Imam Ibnu 'Allan *Rahimahullah,* adalah afdal zikrullah itu dikerjakan dalam keadaan seseorang itu elok dan sempurna, seperti bersih daripada hadas kecil dan hadas besar serta bersih mulutnya daripada kotoran.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah,* sekiranya pada mulut seseorang itu terdapat najis, hendaklah dia membersihkannya dengan air. Sekiranya dia tidak membersihkannya lalu dia berzikir, maka yang demikian itu hukumnya makruh dan tidak haram.

Bersiwak bagi membersihkan mulut untuk mengerjakan zikrullah adalah satu adab yang baik kerana ia merupakan tempat dilafazkan *zikrullah.*

Selain membersihkan mulut daripada kotoran dan najis hakiki, adalah suatu adab yang dituntut juga untuk membersihkan mulut daripada kotoran-kotoran maknawi seperti menjauhi *ghibah* serta kata-kata keji kurang elok yang lainnya.

(iv) Memastikan tempat dikerjakan *zikrullah* itu merupakan tempat yang sesuai, bersih dan elok. Bukan tempat yang kotor, tidak sesuai atau tempat yang boleh menimbulkan rasa kurang selesa atau mengganggu konsentrasi dan sebagainya.

(v) Menghadap kiblat.

Menghadap kiblat ketika mengerjakan *zikrullah* juga merupakan salah satu adab kerana kiblat merupakan arah yang paling mulia. Ia adalah arah yang dihadap oleh hamba-hamba Allah *Subhanahu Wata'ala* ketika menyembah-Nya, ketika memohon doa dan mendekatkan diri pada-Nya.

(vi) Berzikir dengan penuh rasa khusyuk, tawadhu, perhatian, hormat, sopan, menghayati dan memahami zikir yang dilafazkan, tenang, penuh konsentrasi dan merendah diri serta bersungguh-sungguh dalam mengerjakan zikrullah.

Ini kerana berzikir dengan cara sedemikian dapat menjauhi rasa lalai dan mengelakkan perbuatan sia-sia ketika mengerjakan *zikrullah* serta ganjarannya lebih sempurna.

Walau bagaimanapun, jika dikerjakan *zikrullah* tanpa adab ini, harus hukumnya dan tidak makruh. Akan tetapi jika ditinggalkan adab-adab tersebut tanpa sebarang keuzuran, dia dikira meninggalkan yang lebih afdal.

Zikir yang sedikit, tetapi dikerjakan dengan mematuhi segala adab-adabnya adalah lebih baik daripada zikir yang banyak tetapi dikerjakan sambil lewa atau acuh tak acuh. Ini kerana dengan menjaga segala adab serta tuntutan zikrullah itu membuktikan kesungguhan dan keikhlasan seorang hamba untuk memuji dan mengingati Tuhannya.

**Bila Ditegah Melafazkan *Zikrullah*?**

Mengerjakan *zikrullah* secara lisan dituntut setiap masa melainkan pada masa dan tempat yang ditegah mengerjakannya. Menurut syarak ada beberapa masa dan tempat yang ditegah untuk melafazkan *zikrullah*. Antaranya :

(i) Ketika qadha hajat.

Makruh melafazkan *zikrullah* ketika qadha hajat sama ada dalam tandas mahupun lainnya. Sekiranya seseorang bersin ketika qadha hajat, maka janganlah dia melafazkan *tahmid* ketika itu. Bahkan memadailah dia ber*tahmid* di dalam hati. Menurut para ulama asy-Syafi'iyyah lagi, begitu juga ditegah men*tasymit* (mendoakan) orang bersin atau menjawab salam atau menjawab azan ketika qadha hajat.

(ii) Ketika berada dalam tandas atau dalam tempat kotor, najis dan menjijikkan.

(iii) Ketika jimak.

Melafazkan *zikrullah* dengan lisan ketika jimak adalah tidak disyariatkan dan tidak warid diamalkan daripada mana-mana sahabat mahupun salaf as-salih. Bagaimanapun, tidak ada halangan untuk mengerjakan zikir dalam hati pada ketika itu.

Larangan ini hanya khusus ketika melakukan jimak sahaja. Adapun zikir-zikir yang sunat dibaca sebelum jimak tidak termasuk dalam larangan ini.

(iv) Ketika khuthbah Jumaat bagi yang dapat mendengarkannya.

Menurut Imam An-Nawawi *Rahimahullah*, bagi mereka yang dapat mendengar khutbah, diam mendengarkan khutbah itu adalah lebih utama daripada membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya. Ini kerana terdapat qaul yang mengatakan diam mendengarkan khutbah itu adalah wajib.

Bagi orang yang tidak dapat mendengar khutbah pula, misalnya kerana duduk jauh daripada imam atau suara imam tidak dapat didengar, maka adalah lebih utama baginya pada ketika itu membaca Al-Quran terutamanya surah Al-Kahfi, bersalawat, bertasbih, berzikir dan sebagainya dengan suara yang perlahan supaya tidak mengganggu jemaah-jemaah yang lain.

(v) Ketika sangat mengantuk atau dalam bahasa Arabnya dipanggil *nu'as'* kerana orang yang dalam keadaan sedemikian akal dan derianya menjadi lemah.

Adapun sebab kenapa melafazkan *zikrullah* ketika dalam keadaan *nu'as* ini dimakruhkan ialah kerana boleh jadi dia tidak sedar akan apa yang dilafazkannya ketika itu lalu dia melafazkan sesuatu yang kurang elok. Antara petanda seseorang itu dalam keadaan *nu'as* ialah dia masih mendengar kata-kata orang yang berhampiran dengannya sekalipun tidak memahami maknanya.

***MELAFAZKAN zikrullah dengan lisan ketika jimak adalah tidak disyariatkan dan tidak warid diamalkan daripada mana-mana sahabat mahupun salaf as-salih. Bagaimanapun, tidak ada halangan untuk mengerjakan zikir dalam hati pada ketika itu.***

**BERSAMBUNG**




# Marhaban ya Syaaban

***FIRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56, tafsirnya : "Sesungguhnya Allah dan Malaikat berselawat ke atas Junjungan Nabi Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam oleh yang demikian wahai orang-orang beriman selawatlah kamu ke atasnya dan sejahteralah kamu sekalian."***

**HANYA** tinggal beberapa hari lagi kita akan memasuki bulan Syaaban. Bulan Syaaban juga termasuk salah satu bulan yang diagungkan dalam Islam dan mempunyai banyak kelebihan. Segala amal ibadat yang dilakukan di bulan tersebut akan mendapat balasan berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Antara amalan yang amat digalakkan dilakukan dalam bulan ini adalah memperbanyakkan berpuasa Sunat Syaaban. Pada bulan ini umat Islam amat digalakkan untuk memperbanyak puasa Sunat. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila berada di bulan Syaaban, baginda gemar berpuasa sunat lebih banyak berbanding dalam bulan-bulan yang lain. Justeru kita selaku umat Baginda, sepatutnya mencontohi amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu. Riwayat Imam al-Bukhari daripada Sayidatina 'Aisyah Radiallahuanha pernah berkata yang maksudnya :

*"Aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sunat dalam sebulan lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban."*

Dalam sebuah hadis yang lain pula yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dari Sayidatina 'Aisyah Radiallahuanha katanya yang maksudnya :

*"Bulan yang paling dicintai oleh Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam, di mana Baginda Shallallahu Alaihi Wasallam berpuasa di dalam bulan Syaaban kemudian Baginda meneruskannya hingga ke bulan Ramadan."*

Justeru itu, selaku umat Baginda, kita sepatutnya mencontohi amalan puasa Sunat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu. Bulan Syaaban juga merupakan waktu yang tepat untuk kita berpuasa sunat sebagai melatih diri untuk terbiasa berpuasa satu bulan penuh di bulan Ramadan. Demikian juga bagi perempuan yang belum mengqada puasa Ramadan tahun lalu seperti perempuan yang meninggalkan puasa kerana 'datang haid', maka pada bulan Syaaban inilah adalah waktu terakhir untuk mengqada segala hutang puasa sebelum tibanya bulan suci Ramadan.

Selain melakukan amalan puasa sunat, kita umat Islam juga digalakkan memperbanyakkan berdoa, berzikir, dan membaca selawat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Ahzab ayat 56 tafsirnya :

*"Sesungguhnya Allah dan Malaikat berselawat ke atas Junjungan Nabi Besar kita Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam oleh yang demikian wahai orang-orang beriman selawatlah kamu ke atasnya dan sejahteralah kamu sekalian."*

Bulan Syaaban hanya datang sekali dalam setahun, maka ambillah kesempatan untuk meningkatkan amal ibadat kita pada bulan ini dalam usaha memperbaiki diri menuju ketaqwaan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

***RIWAYAT Imam Al-Bukhari daripada Sayidatina 'Aisyah Radiallahuanha pernah berkata yang maksudnya : "Aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sunat dalam sebulan lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban."***

# Solat hindarkan daripada berbuat kejahatan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 24 April. - Israk dan Mikraj merupakan satu anugerah yang besar selepas turunnya mukjizat Al-Quran Al-Karim kerana di dalam Israk dan Mikraj ini terhimpun perkara yang masih kita amalkan sehingga ke hari ini dan sehingga ke hari Kiamat, iaitu turunnya perintah solat.

Penolong Pensyarah Bidang Hadis, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Damit ketika menyampaikan Ceramah Khas 'Iman Teguh Akidah Kukuh' pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini berkata, betapa pentingnya Israk dan Mikraj ini bukan sahaja ianya satu hadiah khusus buat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seorang, tetapi ia dikongsi kepada seluruh umat Baginda sehingga ke hari ini.

Jelasnya, dari awal pergerakan dan kalimah-kalimah yang dilafazkan di dalam solat itu mengajar kita semua tentang kebesaran Allah dan adapun makna yang jauh lebih tersembunyi daripada solat itu sendiri ialah solat itu kunci bagi masuk ke syurga Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurutnya, setiap pergerakan di dalam solat itu mengingatkan akan kehambaan kita kepada Allah dan asal usul kita, di mana dalam rukuk kita akan dilafazkan zikir memuji Allah dan apabila sampai kepada pergerakan sujud, kita diingatkan bahawasanya di penghujung hayat kita nanti, akan tetap masih balik ke tanah seperti mana permulaan kita diciptakan.

Beliau menjelaskan, di sini Allah ajarkan dengan segala nikmat yang kita kecapi pada hari ini semuanya adalah asbab daripada Allah yang memberikannya jua.

Dengan yang demikian, pentingnya untuk memberikan perhatian yang sepenuhnya apabila solat bukan sahaja ia dapat menghindarkan diri daripada berbuat kejahatan, tetapi ianya juga akan memisahkan kita dari kealpaan dunia.

Ceramah juga menyentuh mengenai indahnya solat itu di mana sebelum menutup dengan salam, kita lafazkan tasyahhud yang mana ia sejak azali lagi telah tertulis di syurga Allah menandakan bahawa segala apa yang kita buat akan kembali pada mengesakan Allah dan mengakui bahawa Rasulullah itu pesuruh Allah.

"Di sini kita fahami bahawa bulan Rejab adalah sebagai persiapan kita menyiapkan dan mensucikan diri sebelum menuju ke bulan Ramadan dan diingatkan kepada kita beberapa kisah yang menyedihkan dan memeritkan untuk membakar semangat kita untuk beribadah dan dalam masa yang sama untuk meruntuhkan sifat 'ujub, riyak dan hati yang sakit untuk kembali bertaubat kepada Allah 'Azza wa Jalla," ujarnya lagi.

Umat Islam juga diingatkan supaya merebut peluang menumpukan beribadah pada Allah di bulan Rejab ini dengan berusaha untuk meninggalkan semua perkara yang telah dilarang oleh Allah dan membuat perkara-perkara yang diperintahkan dan di antaranya ialah bersolat dengan khusyuk.

Tambahnya, segala apa yang kita kecapi dan kita lalui sama ada ianya berupa kesenangan atau keperitan hidup ianya adalah daripada Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata dan sudah pasti ketenangan dan kelapangan dada akan diperoleh bagi orang-orang yang bertawakal dan bergantung kepada Allah jua dalam suka dan dukanya.



**PENOLONG Pensyarah Bidang Hadis, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Damit ketika menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Iman Teguh Akidah Kukuh' pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.**



**SEBAHAGIAN jemputan wanita dari pelbagai peringkat masyarakat, antara yang hadir memeriahkan suasana Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.**

***'SETIAP pergerakan di dalam solat itu mengingatkan akan kehambaan kita kepada Allah dan asal usul kita, di mana dalam rukuk kita akan dilafazkan zikir memuji Allah dan apabila sampai kepada pergerakan sujud, kita diingatkan bahawasanya di penghujung hayat kita nanti, akan tetap masih balik ke tanah seperti mana permulaan kita diciptakan'.***

# Pameran dan Jualan semarakkan Sambutan Israk Mikraj

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 24 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) dengan kerjasama Bahagian Kemajuan Syiar Islam menganjurkan Pameran dan Jualan hasil usahawan tempatan termasuk Produk Brunei Halal bersempena Sambutan Israk dan Mikraj.

Pameran dan Jualan Produk Halal yang diadakan selama tiga hari bertempat di Lobi / Ruang Legar Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas (ICC) di sini bermula hari ini hingga Rabu, 26 April 2017 bermula dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang itu disertai oleh pengusaha-pengusaha tempatan dan Produk Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Klinik Al-Fatihah dan Sembahyang.

Seramai 17 pengusaha daripada MPMK dari ke empat-empat buah daerah dan empat buah syarikat menyertai acara jualan hasil usahawan tempatan, Agensi-Agensi Kerajaan seperti Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH), Pusat Promosi Kesihatan, DARe (Darussalam Enterprise) dan Institusi Perbankan (BIBD dan TAIB).

Selain jualan produk halal tempatan, klinik Al-Fatihah dan klinik sembahyang juga disediakan untuk memberi peluang kepada orang ramai atau pengunjung mentasmik bacaan Surah Al-Fatihah dikendalikan oleh Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sementara menghalusi tatacara sembahyang dikendalikan oleh JPI.

Adapun tujuan pameran dan jualan hasil usahawan tempatan ini diadakan ialah untuk menyemarakkan dan mempelbagaikan acara sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1438 Hijrah, di samping bertindak sebagai sebagai mekanisma untuk menjana kualiti dari segi pemakanan halal dan pengurusan jual-beli yang jujur dan amanah.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat setempat mengenai dengan kemudahan-kemudahan serta perkhidmatan-perkhidmatan agensi-agensi yang berkepentingan dalam pembangunan ekonomi negara dan untuk menjana minda pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan peniaga-peniaga tempatan bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama membantu mempelbagaikan ekonomi negara yang mantap dan berdaya tahan.

Pameran dan Jualan itu diharap akan dapat memberi impak yang besar dan positif khususnya kepada golongan yang akan berjinak-jinak dalam dunia usahawan dalam membantu menjana ekonomi negara berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah.



**PAMERAN dan Jualan Produk Halal yang diadakan di Lobi / Ruang Legar Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas (ICC) disertai oleh pengusaha-pengusaha tempatan dan Produk Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK).**

# Israk dan Mikraj satu mukjizat

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Duraman**

**BATU MARANG,** Isnin, 24 April. - Masjid Kampung Batu Marang, telah mengadakan Ceramah Khas sempena memperingati Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini yang berlangsung di masjid tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman yang juga Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelompong.

Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar dalam ceramahnya antara lain berkata, Israk dan Mikraj sebagai satu peristiwa agung bagi umat Islam yang dikisahkan daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang merupakan suatu penghormatan dan mukjizat kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang mana Allah telah memerintah umat Islam untuk menunaikan ibadat sembahyang.

Dr. Haji Noralizam juga menyatakan iktibar-iktibar sebagai umat Islam iaitu, sebagai hamba Allah yang benar-benar sejati yang sentiasa mengikut perintah Allah Subhanahu Wata'ala seperti meninggalkan larangan dan juga kepentingan sembahyang, yang mana sembahyang ini dititik beratkan kepada individu dan juga keluarga, anak-anak, isteri, ibu bapa dan itulah yang perlu dijaga yang akan meraih kejayaan dalam rumah tangga dan keluarga.

Umat Islam menurutnya, tidak akan mengabaikan perkara-perkara sunat seperti sembahyang sunat dan amalan sunat yang tidak ditinggalkan oleh Baginda Nabi Muhammad untuk diamalkan. Doa juga adalah penting bagi menghindarkan gangguan dan perlu diamalkan kerana sesiapa yang mengamalkan doa tambahnya adalah orang yang mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan orang yang sentiasa ingat kepada Allah, maka Allah akan sentiasa mengingatinya dan menjaganya.

Di akhir majlis tetamu kehormat menyampaikan tiga penerima Anugerah Bakti, iaitu Awang Haji Lamit bin Haji Abdul Rahman, berusia 75 tahun; Awang Haji Metussin bin Duak berusia 84 tahun dan Awang Haji Maidin bin Haji Damit berusia 66 tahun.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman yang juga Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelompong (depan, dua dari kanan) selaku tetamu kehormat majlis pada Ceramah Khas yang diadakan oleh Masjid Kampung Batu Marang sempena memperingati Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini.



PENGARAH Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar ... Israk dan Mikraj sebagai satu peristiwa agung bagi umat Islam yang dikisahkan daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang merupakan suatu penghormatan dan mukjizat kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang mana Allah telah memerintah umat Islam untuk menunaikan ibadat sembahyang.

# Pupuk kesedaran kepentingan kemahiran kepimpinan



SERAMAI 40 penuntut dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri menyertai Perkhemahan Program Pembangunan Pemimpin berlangsung di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan KESAN**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 24 April. - Kemahiran kepimpinan dalam kebersamaan dan kesepaduan di dalam kerja berpasukan adalah penting untuk dititikberatkan.

Demikian ditegaskan oleh Presiden Persatuan KESAN, Muhd. Aidil Firdaus bin Haji Jukin pada Majlis Penutupan Perkhemahan Program Pembangunan Pemimpin berlangsung di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan di sini.

"Setiap kita adalah pemimpin dan itu tidak bermakna yang kita tidak boleh dipimpin. Ini kerana kebersamaan dan kesepaduan kita dalam kerja berpasukan mempunyai peranan yang berbeza namun dengan satu tujuan yg sama. Tiada huruf 'i' dalam kalimat 'We'," tegas beliau.

Menurutnya, program itu diharap dapat memberi pendedahan dan memupuk kesedaran kepentingan kemahiran kepimpinan melalui aktiviti-aktiviti dan bengkel-bengkel yang telah diadakan.

Seramai 40 penuntut dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri yang menyertai perkhemahan itu menerima sijil penyertaan pada majlis tersebut.

Sepanjang tiga hari perkhemahan itu diisi dengan aktiviti-aktiviti kepimpinan untuk membina sahsiah yang berkepimpinan dan berdisiplin.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan termasuk ceramah-ceramah motivasi, bengkel-bengkel kepimpinan dan kegiatan aktiviti fizikal seperti Amazing Race.

KESAN merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang telah ditubuhkan pada Disember 2006 dan dijalankan oleh belia Brunei yang mencintai negara dan ingin menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Sejak penubuhannya, KESAN telah mengadakan pelbagai aktiviti termasuk latihan kepimpinan, bengkel kemahiran dan kerja-kerja amal.



PRESIDEN Persatuan KESAN, Awang Muhd. Aidil Firdaus bin Haji Jukin (kiri) menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta pada Majlis Penutupan Perkhemahan Program Pembangunan Pemimpin berlangsung di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

# Rondaan bersama cegah jenayah

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



RONDAAN pencegahan jenayah bagi Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan bersama Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Sungai Belukut, Mukim Kota Batu.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 25 April. - Beberapa buah Pengawasan Kejiranan di bawah jagaan Daerah Polis Brunei Muara mengadakan rondaan pencegahan jenayah.

Pada 22 April yang lalu, rondaan pencegahan jenayah bagi Balai Polis Pusat, BSB bersama Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Sungai Belukut, Mukim Kota Batu.

Menurut Siaran Akhbar Pasukan Polis Diraja Brunei, mengetuai rondaan tersebut ialah Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Pusat, Inspektor Awang Hamdan bin Mantul bersama anggota dari Balai Polis Pusat.

Turut hadir, Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Sungai Belukut yang diketui oleh Ketua Kampung Sungai Belukut, Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad.

Sebelum rondaan dijalankan, taklimat ringkas Laporan Kadar Jenayah dari bulan Januari hingga Mac melibatkan harta benda bagi kampung berkenaan.

Rondaan seterusnya melibatkan kawasan rondaan berjalan kaki dan tempat letak kereta di kawasan Sungai Bunga.

Antara objektif rondaan dijalankan adalah bagi mengeratkan hubungan di antara masyarakat bersama dengan polis sambil mendedahkan Ahli Pengawasan Kejiranan dengan situasi jenayah di kampung mereka.

# Amalan gaya hidup sihat

**Oleh : Eric Soh Chen Tiong**
**penempatan mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam di Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**PERNAHKAH** awda melihat poster mempromosikan gaya hidup sihat? Kenapa gaya hidup yang sihat itu penting? Pada zaman moden, kebanyakan orang abaikan gaya hidup sihat dan ini menyebabkan mereka lebih mudah terdedah pada isu-isu kesihatan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih separuh daripada jumlah kematian global adalah disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit atau *non-communicable diseases* seperti kencing manis atau kanser paru-paru, dan salah satu punca utama penyakit ini adalah dari tabiat yang tidak sihat seperti merokok, tidak aktif secara fizikal, dan tidak mengekalkan cara permakanan yang sihat. Oleh kerana itu, Ini adalah penting untuk mengamalkan cara hidup yang sihat, tetapi apakah cara-caranya untuk mencapai ini?

**DIET SEIMBANG**

Terdapat beberapa cara untuk mengekalkan gaya hidup yang sihat. Satu daripadanya adalah dengan mengamalkan diet seimbang seperti mengurangkan jumlah lemak tepu dan gula, manakala memakan buah-buahan dan sayur-sayuran yang mencukupi dalam pengambilan harian. Satu lagi cara untuk mengekalkan cara hidup yang sihat ialah untuk melakukan aktiviti fizikal sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari. Dengan adanya ini, ia boleh membantu untuk mengekalkan berat badan dan Indeks Jisim Badan di peringkat optimum. Tambahan lagi, menjauhi aktiviti-aktiviti yang memudaratkan kesihatan seperti merokok atau meminum minuman keras akan meningkatkan peluang untuk mengelak dari mendapat penyakit tidak berjangkit seperti kanser dan kencing manis.

Di Negara Brunei Darussalam, punca utama kematian adalah disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit. Pada masa ini, kanser adalah penyebab utama kematian, diikuti oleh penyakit jantung koronari dan penyakit kencing manis. Menurut Buku Maklumat Kesihatan 2015, 58.7% daripada jumlah kematian pada tahun 2015 adalah disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit.

Terdapat beberapa faktor yang membawa pada peningkatan penyakit tidak berjangkit, dan faktor risiko utama adalah gaya hidup yang tidak sihat. Dalam ucapan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), beliau menyatakan bahawa daripada Global School Health Survey 2014 menunjukkan dalam 87% daripada kanak-kanak di Brunei tidak melakukan aktiviti fizikal yang cukup, dan juga Global Nutrition Report 2016 telah meletakkan Brunei Darussalam dengan mempunyai kadar obesiti tertinggi untuk orang dewasa di rantau ini. Menteri Kesihatan juga menyatakan bahawa risiko diabetes makin meningkat untuk orang muda yang sekitar 20-30 tahun.




Tambahan lagi, gaya cara hidup yang tidak sihat juga meningkatkan faktor risiko metabolik seperti obesiti atau paras glukosa yang tinggi.

Penyakit tidak berjangkit boleh memberi impak negatif pada kehidupan harian terutamanya jika tidak dirawat untuk jangka masa yang lama.

Bukan sahaja ia merendahkan jangka hayat, ia meningkatkan risiko dijangkiti penyakit lain. Dalam ucapan Menteri Kesihatan semasa Hari Penyakit Kencing Manis Sedunia 2016, beliau menekankan bahawa orang-orang dengan penyakit kencing manis mempunyai risiko yang lebih tinggi mengalami serangan jantung dan strok.

**INISIATIF**

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa langkah - langkah pencegahan yang diambil di Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit tidak berjangkit. Salah satu daripadanya ialah Program Bandarku Ceria, yang merupakan inisiatif kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk memeriahkan ibu negara setiap pagi Ahad. Salah satu matlamat inisiatif ini adalah untuk menggalakkan gaya hidup sihat, di mana pelbagai aktiviti telah disediakan bagi orang ramai untuk menyertai termasuk walkaton dan zumba. Inisiatif ini telah terbukti berjaya kerana mengikut Non-Communicable Diseases Steps Survey 2016, peratusan orang dewasa aktif secara fizikal telah meningkat dari 65% pada tahun 2011 menjadi 75% pada 2016.

Terdapat juga beberapa inisiatif yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan mempunyai gaya hidup yang sihat dan mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit di Brunei. Salah satu initiatifnya adalah "Let's move and munch!", yang merupakan ceramah yang diadakan pada bulan Mac 2017 di Pusat Promosi Kesihatan, Berakas mengenai kepentingan gaya hidup sihat untuk ibu bapa dan anak-anak mereka. Ceramah tersebut telah dianjurkan oleh Bahagian Pediatrik, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital, di mana sekitar 64 ibu bapa dan 32 kanak-kanak hadir. Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan kadar obesiti dan meningkatkan kecergasan fizikal dan meningkatkan pengetahuan mengenai pemakanan dan makan yang sihat. Ini juga selaras dengan fokus utama Kementerian Kesihatan, di mana Menteri Kesihatan menekankan semasa Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara bahawa masalah terbesar yang dihadapi di Brunei Darussalam adalah cabaran untuk mengubah cara pemikiran dan juga pengambilan pemakanan.

Satu lagi Inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan adalah Healthier Choice Initiative Workshop with Food Industries yang diadakan pada bulan Februari 2017, di mana ia bertujuan untuk memberi pengguna-pungguna pilihan makanan yang lebih sihat dalam pasaran tempatan. Bengkel ini telah dihadiri oleh 100 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, industri makanan, KKS tempatan dan pemilik restoran tempatan. Kementerian Kesihatan juga memperkenalkan Logo Healthier Choice, di mana ia dapat membantu pengguna-pengguna untuk membezakan antara pilihan barangan makanan yang lebih sihat di mana produk dengan logo itu mengandungi jumlah lemak, lemak tepu, garam dan kandungan gula yang lebih rendah.

Inisiatif ini juga selaras dengan usaha oleh Kerajaan Brunei Darussalam untuk mengurangkan produk makanan di Brunei yang mengandungi jumlah gula dan Monosodium Glutamat (MSG) yang tinggi.

Inisiatif ini digabungkan dengan pelaksanaan cukai eksais ke atas makanan dan minuman dengan jumlah gula yang tinggi diharap dapat mengurangkan penggunaan di Brunei dan meningkatkan budaya gaya hidup yang sihat.

Secara keseluruhan, walaupun dengan inisiatif daripada kerajaan untuk mencuba dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hidup gaya hidup yang sihat, usaha perlu datang dari ibu bapa dan belia di negara ini. Tanpa usaha untuk mencuba, risiko penyakit tidak berjangkit akan sentiasa berada di sana. Oleh kerana itu, penduduk negara ini terutama golongan belia perlu sentiasa membahagikan masa dengan bijak dan bukan pada aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah atau yang tidak sihat.

Dalam titah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11 Tahun 2016, baginda bertitah :

*"Di sinilah cabaran untuk semua, dalam perkara menggunakan masa. Jika silap menggunakannya, bererti kita menjerumuskan diri ke dalam satu krisis kehidupan, dan krisis ini, mesti segera diatasi."*



PROGRAM Bandarku Ceria, yang merupakan inisiatif kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk memeriahkan ibu negara setiap pagi Ahad ke arah menggalakkan gaya hidup sihat.

***DI Negara Brunei Darussalam, punca utama kematian adalah disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit. Pada masa ini, kanser adalah penyebab utama kematian, diikuti oleh penyakit jantung koronari dan penyakit kencing manis. Menurut Buku Maklumat Kesihatan 2015, 58.7% daripada jumlah kematian pada tahun 2015 adalah disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit.***

# 29 peserta sertai SSEAYP SIGA



TIMBALAN Yang Di-Pertua II (Kebangsaan), Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (BERSATU), Awang Mosli bin Haji Abdul Hadis mengetuai rombongan ke Perhimpunan Agung Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Antarabangsa (SSEAYP International General Assembly - SIGA) di Republik Filipina.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 April. - Seramai 29 peserta dari negara ini menyertai Perhimpunan Agung Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Antarabangsa (SSEAYP International General Assembly - SIGA) yang berlangsung di Republik Filipina bermula 26 hingga 30 April ini.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Timbalan Yang Di-Pertua II (Kebangsaan), Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (BERSATU), Awang Mosli bin Haji Abdul Hadis dan Bendahari Persatuan BERSATU, Dayang Norhayati binti Haji Nordin.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada para rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Di-Pertua Persatuan BERSATU, Awang Haji Jailani bin Haji Ibrahim.

SIGA pada tahun ini akan dihoskan oleh Alumni Antarabangsa Republik Filipina SSEAYP dan akan berlangsung di dua tempat, iaitu di Bandar Iloilo pada 26 dan 27 April dan di Pulau Boracay pada 28 hingga 30 April.

Bertemakan 'One Heart, One Beat, One Team', SIGA tahun ini memberi peluang kepada bekas peserta kapal belia Asia Tenggara dan Jepun untuk bertemu semula dan melakukan aktiviti bersama di lokasi berkenaan.

Perhimpunan agung tersebut dianjurkan oleh SSEAYP Antarabangsa (SI) dan dihoskan oleh Persatuan-persatuan Alumni secara bergilir.




## Bengkel Kesedaran Kesihatan Reproduktif berakhir

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 April. - Dalam usaha meningkatkan dan mengukuhkan tahap kesedaran kesihatan reproduktif dalam kalangan pelajar di negara ini, Pusat Promosi Kesihatan dengan kerjasama Majlis AIDS Brunei Darussalam telah mengadakan Bengkel 'Training of Trainer's Kesedaran Kesihatan Reproduktif 2017' bagi fasa kedua.

Bengkel empat hari tersebut berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta yang berlangsung di Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Seramai 70 tenaga pengajar dari sekolah-sekolah menengah dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) Kluster 1 dan 3 termasuk Sekolah Sukan menghadiri bengkel yang dimuatkan dengan taklimat berkaitan pengetahuan asas mengenai Jangkitan Hubungan Seksual (STI) termasuk HIV, AIDS dan kehamilan remaja di Negara Brunei Darussalam.

Antara objektif bengkel ialah untuk berkongsi pengetahuan mengenai faktor dan situasi yang boleh mendorong pada melakukan hubungan seksual, di samping melibatkan peserta dalam merangka aktiviti yang menjurus pada kesedaran kesihatan reproduktif bagi pelajar di sekolah masing-masing dalam tempoh berlangsungnya program berkenaan.



BENGKEL 'Training of Trainer's Kesedaran Kesihatan Reproduktif 2017' bagi fasa kedua yang berlangsung di Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

# Ma'had Islam Brunei Pengambilan 2002 juara bola sepak 7 sepasukan

Berita dan Foto : Ihsan Haji Jaya Haji Metussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 24 April. - Pasukan bekas pelajar Ma'had Islam Brunei Pengambilan 2002 muncul juara pada Kejohanan Bola Sepak Tujuh Orang Sepasukan yang berlangsung di padang bola sepak Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), di sini.

Juara berjaya menewaskan pasukan Pengambilan 1998, sekali gus menempatkannya di tempat kedua dengan jaringan 3 - 0 melalui sepakan penalti. Manakala pasukan Pengambilan 1985 pula berada di tempat ketiga.

Selain itu, pasukan Pengambilan 2002 juga dinobatkan sebagai sebuah pasukan *fair play* dan Abdul Hadi bin Mat Sa'ad (2002) menerima kasut emas (penjaring terbanyak) sepanjang kempen kejohanan MIB 2017.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan Peringkat Akhir kejohanan tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar yang juga berkesempatan meniup wisel bagi memulakan perlawanan akhir.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof yang juga merupakan bekas pelajar Ma'had Islam Brunei, Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Rais bin Haji Sabtu, Dr. Adam bin Haji Jait dari Jabatan Pengajian Islam serta warga SMALHB.

Kejohanan yang diadakan bermula 2 April lalu itu anjuran kolaborasi Stesen Minyak Syarikat Amanah Haji Abdullah dengan Malar Maju H & H Enterprise dan disertai bekas-bekas pelajar pengambilan MIB dari tahun 1984 - 2010. Manakala satu pasukan undangan gabungan daripada tenaga pengajar dan pelajar SMALHB.

Menurut Pengerusi kejohanan, perlawanan tahun ini merupakan kali kedua ia dianjurkan dan penyertaannya terdiri daripada pengambilan tahun 80an iaitu 1985, 1988 (dua pasukan) dan 1989 sementara pengambilan tahun 90an tidak ada yang terkecuali serta penyertaan 2000, 2002, 2003 dan 2009.

Penyertaan yang semakin meningkat berbanding tahun sebelumnya itu memberikan indikasi bahawa objektif menjalin silaturahim dapat dicapai menerusi aktiviti bersukan.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar ketika bergambar ramai bersama pasukan-pasukan yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Tujuh Orang Sepasukan yang berlangsung di padang bola sepak Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

# Kasuka FC berpesta gol

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**TUTONG**, Selasa, 25 April. - Pasukan Kasuka FC berpesta gol setelah beraksi cemerlang dan berjaya membelasah pasukan Jerudong FC 5 - 0 pada Perlawanan Liga Super Brunei DST 2017 yang berlangsung di Padang Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Pemain Pasukan Kasuka FC jersi 17, Awang Md. Esmendy bin Ibrahim menunjukkan taringnya setelah menjaringkan gol *hat-trick* sebelum Awang Md. Hafis bin Mahari dan Awang Md. Shahrin bin Zaini masing-masing menyumbangkan sebiji gol bagi pasukan Kasuka FC.

Perlawanan bermula dengan kedua-dua pasukan berbalas serangan di separuh masa pertama, namun Pasukan Kasuka FC berjaya menjaringkan gol melalui Awang Md. Shahrin susulan umpanan cantik dari sayap kanan Pasukan Kasuka FC pada minit ke-9.

Pasukan Kasuka FC terus lagi menggandakan jaringannya pada minit ke-37 melalui serangan balas pantas yang disudahi dengan cantik oleh Awang Md. Esmendy, selang enam minit kemudian Awang Md. Esmendy sekali lagi menjaringkan gol dengan tandukan melambung jarak dekat.

Pada babak kedua, pasukan Kasuka FC terus mengawal permainan setelah berjaya mengeksploitasikan lubuk di sayap kanan pasukan Jerudong FC dengan Awang Md. Shahrin menjaringkan gol pada minit ke-46, manakala Awang Md. Esmendy pula melengkapkan *hat-trick*nya dengan sepakan jauh pada minit ke-63.

Perlawanan liga tersebut akan diteruskan lagi dengan perlawanan di antara pasukan Kota Ranger FC menentang pasukan Menglait FC di padang yang sama esok.



ANTARA aksi menarik pada perlawanan di antara pasukan Kasuka FC menentang pasukan Jerudong F (atas). Sementara gambar bawah, pasukan Kasuka FC ketika bergambar ramai pada perlawanan tersebut.






BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN AMAL IBADAT PADA BULAN SYAABAN

دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن کراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.